

12 JUN 1997

MSC MENERIMA SAMBUTAN BALAS BERBEZA DARIPADA AMERIKA SYARIKAT

Oleh: Salmly Hashim

WASHINGTON, 12 Jun (Bernama) -- Kehebatan pemasaran Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia di Amerika Syarikat telah mencetuskan minat untuk projek menelan belanja berbilion ringgit itu dan mendapat sambutan balas yang berbeza-beza.

Projek raksasa yang akan melancarkan Malaysia ke dalam masa depan siber itu sering dibangkitkan dalam laporan-laporan ekonomi serantau, seminar-seminar dan forum-forum utama, dan dengan didahului oleh media Amerika.

Harian berpengaruh The Wall Street Journal (WSJ) dalam satu makalah muka depan pada Selasa menyifatkan koridor berteknologi tinggi itu sebagai "Lembah Silikon Timur" yang dapat memacukan Malaysia ke dalam zaman maklumat.

"Walaupun rancangan itu masih merupakan sesuatu yang kabur, pihak Malaysia menegaskan bahawa koridor itu bukan sekadar sebuah taman perindustrian yang besar di mana syarikat-syarikat Barat boleh mengeluarkan produk hari ini untuk dieksport. Dalam cara yang lain, ia adalah satu usaha untuk mencontohi Lembah Silikon bermula dari awal permulaannya," kata WSJ.

Sebuah Universiti Multimedia akan didirikan, yang dikatakan sebagai sebuah pusat cendekiawan ala Stanford. Sekitarannya akan dipenuhi oleh makmal-makmal penyelidikan firma-firma asing yang besar yang diberikan pelepasan cukai dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri memberikan pemasaran agresif kepada projek itu, tambah laporan itu.

Walaupun kerajaan Malaysia ingin mendapatkan penghuni "induk", terutama sekali nama-nama besar, banyak syarikat masih memikirkan tentang beberapa ketakpastian sebelum membuat sebarang komitmen.

"Pihak Jepun melakukan enam lawatan dan setiap kali mengulangi pertanyaan yang sama," WSJ memetik Norsaidatul Akmar, pengurus strategi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) sebagai berkata. Katanya ada pihak Jepun yang mahukan diskaun untuk harga tanah; tetapi kerajaan enggan berbuat demikian. Yang lain pula bimbang tentang perlindungan hak harta intelek.

WSJ berkata Malaysia kekurangan asas teknologi tinggi yang kuat dan amat kekurangan profesional dalam bidang itu.

Memandangkan berlakunya gangguan bekalan elektrik selama 16 jam di Semenanjung Malaysia tahun lepas, prasarana nampaknya agak "rapuh" untuk multimedia yang canggih.

WSJ menambah bahawa bidang multimedia mempunyai banyak "lorong yang kurang jelas": Bukan mudah untuk memperoleh hasil daripada Internet. Perkhidmatan video saling bertindak sering kali gagal; contoh terbaru ialah kegagalan percubaan TV saling bertindak Time Warner Inc. di Orlando, Florida.

Dan syarikat Jepun membelanjakan wang yang banyak untuk menghasilkan televisyen berdefinisi tinggi, yang kemudian diatasi oleh teknologi lebih baru - dan MSC boleh muncul sedemikian rupa.

Walau bagaimanapun, William Miller, penasihat kepada Dr. Mahathir dan seorang profesor sains komputer di Universiti Stanford agak lebih yakin dengan menyatakan bahawa Malaysia akan mencatat banyak kejayaan. "Sudah tentu mereka tidak akan dapat melakukan semuanya sekali, tetapi saya yakin mereka akan dapat melaksanakan banyak usaha."

Di Connecticut, syarikat berteknologi tinggi yang bersaiz sederhana dan besar menunjukkan minat kepada MSC. Negeri itu telah mengenal pasti

Malaysia sebagai satu daripada lapan pasaran sedang muncul yang menawarkan banyak peluang perniagaan.

Sementara itu, menurut laporan Pacific Economic Outlook yang dikeluarkan oleh Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik baru-baru ini, banyak peluang akan muncul dalam industri teknologi maklumat melalui koridor raya multimedia.

Di Burbank, California, pengeluar filem Amerika, syarikat-syarikat multimedia, firma televisyen kabel dan rangkaian pawagam, yang menghadiri satu seminar mengenai hiburan dan media tajaan Asia Society, melihat begitu banyak peluang di Asia, demikian menurut Journal of Commerce.

Akhbar kewangan itu berkata Hollywood sedang memberi tumpuan kepada Asia kerana mempunyai masa depan yang cerah. Pertumbuhan ekonomi di Asia adalah berganda daripada di Barat, dan menjelang tahun 2000 keluaran serantau kasar akan setara dengan Amerika Utara atau Eropah. Dalam masa 25 tahun akan datang, tujuh daripada 10 ekonomi terbesar dunia akan berada di Asia.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat yang berucap pada seminar itu minggu lepas berkata sehingga baru-baru ini, kelas menengah Asia yang sedang berkembang bergantung kepada Barat untuk kebanyakan hiburan multimedia kerana Hollywood dan rakan setarafnya di Eropah adalah lebih berinovatif.

"Kejayaan ekonomi Asia, dan kesedaran bahawa rantau itu tidak syak lagi akan menjadi jentera yang memacukan perniagaan dunia dalam abad ke-21, telah menimbulkan satu kesedaran baru terhadap Asia yang menawarkan peluang kepada pengeluar filem Amerika, syarikat televisyen kabel dan rangkaian pawagam yang sanggup berkongsi dengan firma Asia.

Akhbar itu juga melihat banyak peluang untuk syarikat multimedia Amerika dalam MSC Malaysia.

Mengenai MSC, Mohamed berkata, "Kami telah mengadakan reka bentuk, persekitaran dan kemudahan. Apa yang kami perlukan sekarang ialah pendidik ternama dunia, ahli muzik, animator, pengeluar filem, pakar grafik dan kesan khas, pekerja berpengalaman dan ketua pegawai eksekutif untuk menghidupkan penerokaan berteknologi tinggi itu." -- BERNAMA

SH SIA